

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XVIII)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB. ZOLKIFLY BIN MD. LAZIM**

8. Taman Rimba semakin sepi berikutan berlakunya isu kesihatan.
  - (a) Bagaimanakah pihak Kerajaan Negeri membantu peniaga di Taman Rimba?
  - (b) Adakah penangguhan membayar sewa satu pilihan?
  - (c) Adakah jabatan yang terlibat mempunyai rancangan dan inovasi untuk menarik lebih ramai pengunjung ke Taman Rimba?

**YB. PHEE BOON POH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

8. Isu Taman Rimba menjadi sepi adalah kerana Taman-taman Rimba di Negeri Pulau Pinang tidak terkecuali daripada ancaman wabak kencing tikus (leptospirosis) yang berpunca daripada bakteria leptospira yang disebarluaskan melalui haiwan. Berdasarkan rekod Jabatan Perhutanan Negeri, Taman Rimba Teluk Bahang pernah mendapat ancaman kencing tikus pada tahun 2011 yang menyebabkan taman rimba ini ditutup sepenuhnya sehingga keadaan taman rimba selamat digunakan oleh orang awam.

Pada 21 Januari 2020, Jabatan Perhutanan Negeri telah menerima laporan daripada Pejabat Kesihatan Daerah Barat Daya mengenai ujian sampel air sungai dan tanah di Taman Rimba Teluk Bahang yang didapati positif leptospirosis. Demi menjamin keselamatan pengunjung, pada 31 Januari 2020, sebahagian Taman Rimba ini terpaksa ditutup sementara

dari pada digunakan oleh orang awam bagi mengelakkan risiko ancaman wabak penyakit kepada pengunjung.

- (a) Demi memastikan kelangsungan peniaga-peniaga di Taman Rimba, pihak Jabatan tidak menutup Taman Rimba Teluk Bahang secara keseluruhannya. Taman Rimba tersebut masih dibuka untuk aktiviti-aktiviti riadah lain kecuali aktiviti yang melibatkan riadah air. Muzium Perhutanan yang terletak di taman ini juga masih boleh dilawati dalam tempoh tersebut. Peniaga di premis Taman Rimba juga masih boleh menjalankan operasi perniagaan seperti biasa.

Jabatan Perhutanan telah melaksanakan kerja pembersihan secepat mungkin dalam tempoh masa sebulan bagi membolehkan Taman Rimba beroperasi semula dan selamat kepada pengunjung serta mengurangkan kerugian kepada peniaga. Pembersihan yang dilaksanakan adalah sepertimana syor oleh Pejabat Kesihatan Daerah Barat Daya seperti berikut:-

- (i) Pembersihan kolam-kolam air secara berkala;
- (ii) Mengubah kedudukan tong-tong sampah dan tempat BBQ; dan
- (iii) Pembersihan-pembersihan lain bagi mengelakkan kehadiran hidupan liar yang boleh mengundang wabak ini berlaku semula.

Keseluruhan Taman Rimba telah dibuka semula sepenuhnya seperti biasa kepada pengunjung pada 14 Mac 2020.

- (b) Pengecualian sewaan premis kepada peniaga terlibat tidak dapat dipertimbangkan kerana peniaga masih dibenarkan terus beroperasi memandangkan Taman Rimba masih boleh menerima pengunjung kerana hanya sebahagian sahaja Taman Rimba yang ditutup semasa berlakunya ancaman wabak kencing tikus tersebut.
- (c) Pembangunan Hutan Taman Rimba di Negeri Pulau Pinang merupakan tumpuan utama Kerajaan Negeri bukan

saja sebagai pemangkin pembangunan ekonomi negeri melalui aktiviti eko-pelancongan malah turut berperanan sebagai penyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi kawasan setempat.

Sejak penubuhan Taman Rimba ini, pelbagai perancangan telah ditetapkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri bagi meningkatkan mutu dan kualiti keperluan Taman Rimba kepada pengunjung. Antara strategi perancangan semasa oleh jabatan bagi memastikan lebih ramai pengunjung adalah melalui penjenamaan semula Taman Rimba berteraskan kepada aspek-aspek berikut:-

- (i) Menyediakan kemudahan riadah yang kondusif dan selamat untuk digunakan oleh orang ramai bagi tujuan rekreasi sekaligus menikmati keindahan semulajadi;
- (ii) Menjadikan Taman Rimba sebagai hub utama dalam aktiviti pembelajaran kepada orang awam tentang biodiversity hutan dan mewujudkan kesedaran mengenai kepentingan pengekalan alam semulajadi serta membolehkan orang awam menghargai alam semulajadi; dan
- (iii) Membentuk satu destinasi taman semulajadi ikonik kepada Negeri dan menjadi tumpuan utama aktiviti eko-pelancongan untuk dinikmati oleh pengunjung.

Untuk melaksanakan strategi ini, sebanyak RM 1 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri menerusi Peruntukan Pembangunan Jabatan Perhutanan Negeri untuk pembangunan semua Taman Rimba di Pulau Pinang. Strategi-strategi yang telah ditetapkan ini sekaligus mampu meningkatkan pembangunan dan taraf ekonomi penduduk sekitar hasil daripada limpahan faedah kewujudan Taman Rimba sebagai salah satu destinasi pelancongan.